

04/01/1999

Rahim ambil kira jumlah sokongan

MELAKA, Ahad - Bekas Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, tidak mahu tergesa-gesa membuat keputusan untuk bertanding dalam mana-mana jawatan peringkat Majlis Tertinggi (MT) dalam Perhimpunan Agung Umno Mei ini.

Sebaliknya, beliau perlu mengambil kira jumlah sokongan yang diberikan semua ahli Umno di peringkat bahagian sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Bagaimanapun, katanya, beliau bersedia memikirkan untuk menawarkan diri merebut mana-mana jawatan dalam MT jika menerima jumlah pencalonan yang begitu meyakinkan.

"Sebagai seorang ahli perniagaan, masa untuk saya berpolitik agak terhad dan saya perlu mengambil kira pelbagai faktor sebelum membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Aidilfitri kepada 200 penduduk miskin dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Alai, di sini, semalam.

Kira-kira 200 penduduk miskin daripada 23 cawangan Umno dalam DUN Alai serta Umno bahagian Kota Melaka menerima bantuan barang makanan.

Turut hadir ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Alai merangkap Speaker DUN Melaka, Datuk Nasir Manap.

Abdul Rahim berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau bersedia menawarkan diri untuk merebut jawatan Ketua Pergerakan Pemuda yang dilepaskan oleh Datuk Ahmad Zahid Hamidi atau salah satu jawatan dalam MT.

Beliau yang juga bekas Ketua Menteri Melaka berkata, Umno menolak mana-mana pemimpin yang sanggup mengorbankan bangsa dan kepentingan nasional semata-mata untuk memenuhi kepentingan peribadi.

Katanya, Umno beruntung kerana mempunyai Perdana Menteri yang juga Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sanggup menghadapi kritikan pedas dan tuduhan melampau daripada pihak Barat, demi mempertahankan kedaulatan dan kecemerlangan negara.

(END)